



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## LAWATAN KERJA YB MENTERI KERJA RAYA KE PEJABAT WILAYAH UTARA, LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

**PULAU PINANG, 4 Januari 2018** – YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya buat julung kalinya mengadakan lawatan ke Pejabat Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Wilayah Utara untuk melihat dengan lebih dekat aspek keselamatan operasi dan penyenggaraan yang dilaksanakan oleh LLM Wilayah Utara.

Semasa sesi lawatan, delegasi telah diberikan taklimat oleh YBhg. Dato' Sr. Aziz Bin Abdullah, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia berkaitan pelaksanaan operasi dan penyenggaraan lebuhraya dalam memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna sentiasa terjamin.

YB Menteri seterusnya telah diberi penerangan oleh pihak PLUS Berhad berkenaan aspek pengurusan jambatan yang dilaksanakan di Jambatan Pulau Pinang yang merupakan antara nadi utama pengangkutan di negeri ini. YB Menteri turut dimaklumkan berkenaan sesi pemeriksaan major yang telah siap dilaksanakan pada bulan Jui 2018 merangkumi pemeriksaan pada struktur cable-stay jambatan berkenaan.

Selain itu, Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) turut berkongsi mengenai operasi Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (JSAHMS) dan sistem pengurusan aset bersepadu yang mampan dan sistematik yang diaplikasikan di jambatan yang terpanjang di Asia Tenggara ini. Sistem ini membolehkan aset-aset seperti struktur bangunan, jambatan serta lain-lain dipantau dan diselenggara dengan baik.

Selepas taklimat tersebut, YB Menteri telah dibawa melawat ke Jambatan Pulau Pinang dan JSAHMS untuk melihat sendiri bagaimana pergerakan trafik di pantau di sepanjang jajaran kedua-dua jambatan ini.

Dalam lawatan ini juga, YB Menteri turut mengambil kesempatan untuk meninjau perjalanan operasi tol di lorong-lorong motosikal di Plaza Tol JSAHMS dan Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang sejak pemansuhan tol bagi motosikal bermula tepat detik 12 tengah malam pada 1 Januari 2019 yang lalu.

Turut menyertai lawatan ini ialah Exco Kerja Raya dan Utiliti Pulau Pinang, YB Tuan Zairil Khir Johari.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA  
4 JAN 2019**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my